

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : Y.B. TUAN TEO KOK SEONG [ RASAH ]**

**TARIKH : 11.3.2015**

**SOALAN :**

**Tuan Teo Kok Seong [ Rasah ] minta MENTERI PENDIDIKAN menyatakan:-**

- (a) perkembangan terkini mengenai usaha pengiktirafan sepenuhnya Sijil Peperiksaan Bersama (Unified Examination Certificate/UEC) yang pernah dijanjikan oleh Perdana Menteri selepas bertemu dengan pemimpin Dong Zong pada 1 April 2013; dan
- (b) langkah jangka masa panjang untuk membantu pelajar lepasan UEC untuk meneruskan pengajian tinggi di tanah air.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

- a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pendirian Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) mengenai kelayakan dan kedudukan Unified Examination Certificate (UEC) telah dinyatakan dalam Surat Pekeliling Ketua Pendaftar Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS), Kementerian Pendidikan Malaysia Bil. 2/2004 [KP (JPS) 5181/01/ 02/Jld. 3(6) bertarikh 19 Mac 2004] iaitu:

“Kementerian Pendidikan memutuskan bahawa kelulusan Sijil UEC diiktiraf sebagai kelayakan masuk IPTS tetapi tidak boleh

diterima untuk kemasukan ke institusi pengajian tinggi awam (IPTA) termasuk Kolej Tuanku Abdul Rahman dan program-program IPTS yang difrancais daripada IPTA”.

- b) Pada masa ini, KPM masih mengekalkan dasar sedia ada bagi kelayakan masuk UEC ke IPTA sepertimana yang dinyatakan dalam surat pekeliling sedia ada. Walau bagaimanapun, semua pelajar termasuk pelajar UEC boleh melanjutkan pelajaran ke peringkat pengajian tinggi di negara ini jika menepati syarat-syarat kemasukan dengan memiliki sijil-sijil dan setaraf dengannya yang diiktiraf oleh Kerajaan dan Kementerian Pendidikan Malaysia.